Saya perchaya, Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya peluang negeri, atau State itu meminjam—State dalam Malaysia ini di-beri peluang untuk meminjam wang yang sa-macam ini, saya rasa kita akan dapat dua untong. Yang pertama negeri ini dapat membuktikan yang negeri-nya sendiri sa-bagai satu ahli dalam Malaysia, ia-itu ahli yang berkebolehan, yang sihat dan akan mengurangkan lagi bebanan Kerajaan Pusat. Chuma yang saya takut ia-lah takut kalau² ada negeri yang sanggup membuat, maka Kerajaan Pusat pula bimbang, kalau² Anika Ranchangan yang di-buat oleh Kerajaan Pusat itu akan di-atasi oleh experiment yang di-jalankan dalam negeri itu. Jadi, ini saya minta-lah jawapan dan saya perchaya kalau ini di-beri jawapan dengan tegas, saya akan kemukakan kepada pehak negeri Kelantan dengan jalan apa yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pelajaran ada jangka panjang ia-itu mengadakan fekaliti ubat dan begitu juga banyak lagi, tetapi yang di-sebutkan di-sini fekaliti ubat. Saya lebeh suka di-perluaskan lagi faculty of economics, sebab ra'ayat kita ini bukan berkehendakkan kepada ubat, Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat kita berkehendakkan kepada hidup yang chukup dan makanan yang chukup zat. Mengenenipkan faculty of economics dengan jalan hendak menonjolkan

feakalti ubat ini, sa-olah² Kerajaan kita mengaku² bahawa negara kita dalam sakit yang terpaksa menchari doktor, sedang dia mengatakan negara kita ini tidak sakit. Jadi, membayangkan bahawa Kerajaan ini mahu ta' mahu, sa-chara tidak langsung, mengaku² negara kita ini sakit. Apa yang kita mahu ia-lah negara kita lebeh ma'amor.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Perdana Menteri kita telah menyebutkan juga Sabah dan Sarawak telah di-bolehkan atau pun sedang mengator ranchangan lembaga tanah dan termasuk juga berkenaan dengan RIDA dan mereka telah mengator jentera² menurut Tanah Melayu. Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga hairan bagaimana-lah polisi Kerajaan kita ini chepat sangat masuk champor dalam perkara² otonomi, sebab sa-tahu saya berkenaan dengan tanah ini ada-lah di-bawah kuasa otonomi negeri itu. Sama-lah juga di-Kelantan, sedang di-Kelantan sudah 5 tahun memerintah, tetapi tidak-lah begitu sangat chepat di-kemukakan kemudahan². Jadi, adakah menantu yang baharu ini lebeh menguntongkan daripada menantu yang lama? Sedang menantu yang lama sudah membuktikan sa-kurang²-nya satu menantu yang ta'at. Jadi, ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah pehak P.I.M.P. ini menudoh bahawa Kerajaan ini maseh menganaktirikan negeri Kelantan, maka P.I.M.P. akan di-murka, di-marah dan bermacam²-lah perkataan² yang keluar.

Apa yang saya hendak sebutkan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana Kerajaan Pusat hendak membela anak bumiputera di-Sabah dan Sarawak jangan-lah lupa bahawa di-Kelantan itu anak bumiputera dan juga orang yang asal di-situ. Dan kita telah membuktikan bahawa kita sanggup memerintah dan menjadi ahli (member) dalam Malaysia ini, dan saya rasa orang yang sudah tunjokkan bukti kebolehan-nya itu patut di-utamakan daripada negeri² yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan RIDA, saya rasa RIDA ini sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Timbalan Perdana Menteri tadi, ada kaitan-nya banyak sangat dengan

Kementerian² yang lain dan Kerajaan sendiri mengaku bahawa RIDA ini ada-lah satu ranchangan di-zaman penjajah dahulu. Jadi, apabila datang ka-zaman merdeka maseh berjalan lagi dan ka-zaman Malaysia maseh berjalan lagi. Saya rasa patut-lah RIDA ini di-potong langsung dan tugas²-nya di-bahagi²kan mengikut Kementerian² yang ada mengambil bahagian dalam masaalah RIDA sekarang ini. RIDA ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau di-baiki dari masa ka-masa sama-lah dengan baju burok di-tampong dengan kain baharu, akhir-nya tinggal tulang pejabat RIDA atau tulang baju sahaja, kain itu sudah jadi kain lain. Jadi, kalau begitu lebeh baik-lah di-masokkan kepada Kementerian saperti Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Kementerian² yang lain supaya RIDA itu menjalankan tugas²-nya dengan betul.

Yang akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan falsafah membelah-bahagikan ekonomi atau pun agak-nya boleh-lah kita katakan kalau ada orang membuat land fragmentation, kita pun mengadakan economy fragmentation. Kita tidak bergantung kepada getah lagi dan kita akan bergantung kepada tanaman. Sudah berapa kali Dewan ini mendengar beberapa rayuan daripada pehak P.M.I.P. bahawa negara kita ini hendak-lah di-pandang sa-bagai negara tanaman atau pertanian dan masaalah² yang kena-mengena dengan pertanian-lah yang patut di-utamakan. Tetapi nampak-nya ranchangan² yang besar di-tumpukan kepada perusahaan dan pada tahun ini baharu-lah Kerajaan merasa bahawa apa yang di-sebutkan itu patut di-timbangan.

Jadi, ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak-lah ranchangan² saperti tebu dan dasar perhutanan ia-itu kayu² dan barang² yang terbit daripada kayu dan ini juga saya perchaya boleh di-buat oleh negara kita ini tentu-lah dengan modal di-luar, modal di-dalam tidak chukup dan saya rasa ini juga di-negeri Kelantan mempunyai kayu² yang banyak. Kalau Kerajaan Pusat ini tidak menahan peluang mendapat wang daripada luar, saya perchaya kayu dan

hasil daripada kayu itu dapat di-buktikan sama dengan yang di-keluarkan oleh Kerajaan Pusat sendiri.

Berkenaan dengan RIDA yang saya sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, RIDA sekarang ini nama sahaja, belachan yang di-buat oleh RIDA banyak tempat sudah tutup, buat kichap di-sini tutup, lepas itu buat canning buat dabong pun tutup. Jadi, segala usaha yang di-buat oleh RIDA ini semua-nya tutup. Jadi, bagaimana-kah yang kita hendak besarkan RIDA ini di-atas nama RIDA juga dan dengan tujuan konon-nya mengikut falsafah Kerajaan Pusat bahawa dalam kita hendak menjadikan negeri ini negeri yang ma'amor, ia-itu dengan chara menolong satu² keluarga itu menghasilkan pendapatan-nya yang lebih banyak. Jadi, ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan jalan RIDA ini yang di-maksudkan kepada ra'ayat boleh jadi keluarga itu sendiri bertambah hasil-nya, tetapi falsafah yang di-katakan bertambah hasil itu bukan bertambah hasil keluarga itu, ia-itu tiap² ahli (member) dalam keluarga itu mesti-lah mendapat peluang untuk mendapat pendapatan. Mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, satu keluarga dapat \$1,000 sa-bulan tetapi yang bekerja itu si-bapa sahaja yang 9 orang lagi di-rumah itu tidak bekerja, tetapi satu keluarga yang lain mendapat \$500 jumlah daripada ahli²-nya yang ada dalam rumah itu bekerja. Maka chara menolong ra'ayat ini ia-lah chara yang kedua bukan chara yang pertama, sebab yang pertama itu kapitalis lagi.

Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya Kerajaan Pusat sekarang ini mahu ta' mahu sudah mengaku banyak telah mengikut dasar dan falsafah sosialis. Jadi, dapat-lah saya gelarkan bahawa Kerajaan sekarang ini Kerajaan kapitalis moden, sebab dalam ucapan Timbalan Perdana Menteri pun mengatakan mana-kah yang lebih sosialistik lagi daripada mengadakan ranchangan luar bandar. Erti-nya, sekarang ini Kerajaan Pusat ini telah mengikut dari segi perkembangan sosialistik di-dalam perkara ini. Jadi, kalau-lah Kerajaan Pusat sendiri merasa bahawa itu boleh menguntongkan, jangan-lah ingat dalam Dewan

kita ini *ism* sosialis itu sahaja yang patut di-tiru, mengapa tidak di-kombainkan (combine) sa-kali, jadikan-lah satu aspek bahawa negara ini kapitalistik yang moden, lagi satu segi sosialistik yang moden dan lagi satu segi Islamistik yang moden. Mengapa tinggalkan kami, sedang ahli kami lebih banyak daripada ahli sosialis. Kalau ini di-dasarkan di-atas dua aspek sahaja dan aspek yang lain tidak di-pedulikan, maka itu akan merupakan kawah yang mempunyai dua tungku, tungku yang lagi satu tidak pakai, akhir-nya kawah itu jatuh dan ayer-nya akan mercheh kepada Kerajaan sendiri, dan dengan yang demikian walau pun peruntukan ini di-buat sa-kali pun, pada tahun 1969 Kerajaan Perikatan akan jatuh juga (*Sampok*). Sa-kian-lah sahaja.

The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin):

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit berkenaan kemajuan ekonomi yang menarek perhatian kita semua. Ini ia-lah berhubung dengan kemajuan ekonomi orang Melayu (*Tepok*). Saya telah kata bahawa perkara ini ada-lah menarek perhatian kita sakalian dan saya akan terangkan sebab²-nya. Dari segi ekonomi sahaja, jikalau pendapatan orang Melayu sudah meningkat naik, ini dengan sendiri-nya akan menguntongkan orang² yang bukan Melayu, dan juga negeri kita sa-umum-nya. Saya akan beri contoh yang senang. Jikalau ramai orang Melayu perpendapatan lebih, pendapatan negara umum-nya akan meningkat naik juga. Pendapatan yang berlebihan itu akan membolehkan orang Melayu berbelanja lebih, dan ini akan menguntongkan bukan sahaja orang Melayu bahkan orang² bukan Melayu dan juga negeri sa-umum-nya. Itu-lah sebab-nya, saya kata tadi, kemajuan ekonomi orang Melayu mesti-lah mendapat perhatian semua orang dalam negeri ini. Jikalau ini boleh di-chapai, keuntungan kepada ekonomi negara sangat-lah besar. Soal-nya ia-lah "Bagaimana hendak menchapai-nya".

Ahli² Yang Berhormat sudah tahu bahawa Kerajaan berchadang mengadakan suatu Jabatan baharu untuk

menchapai tujuan ini. Bukan-lah tujuan saya hendak menerangkan kerja² Jabatan ini, atau menchadangkan bagaimana Jabatan itu patut berjalan; tetapi saya suka menyatakan suatu perkara ia-itu, berchakap sa-bagai sa-orang bukan Melayu, dan juga sa-bagai Menteri yang bertanggung jawab berkenaan Perbendaharaan, saya suka menyatakan bahawa jikalau soal wang menjadi masaalah untuk menchapai tujuan itu maka itu tidak-lah menjadi masaalah langsung dari segi Kerajaan (*Tepok*). Oleh sebab perkara ini ter-sangat penting, kami bersedia meng-adakan wang yang chukup untuk menjayakan-nya (*Tepok*). Pada masa ini tidak-lah dapat Kerajaan menetapkan berapa-kah banyak wang yang di-kehendaki. Ini boleh di-selesaikan sa-telah ranchangan itu di-pereksa lebeh lanjut. Buat sementara ini, saya suka menyatakan biar pun barangkali ada beberapa masaalah yang akan di-hadapi tetapi sokongan wang dari Kerajaan bukan-lah satu daripada masaalah itu (*Tepok*).

Dato' Dr Haji Megat Khas: Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian sedikit di-dalam perkara perbelanjaan untuk kemajuan negara yang telah di-kemukakan di-dalam Rumah yang berbahagia ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya suka-lah menyokong, dengan sa-penoh-nya, atas permintaan wang sa-banyak \$801,156,724 yang telah di-kemukakan itu, kerana saya berasa ia-itu wang yang di-pinta itu pun, kalau sa-kira-nya pekerjaan yang hendak di-anggarkan dengan perbelanjaan yang sa-banyak itu di-dalam tahun yang akan datang ini, barangkali tidak boleh lengkap dan harus Yang Amat Berhormat itu akan datang balek ka-Rumah yang berbahagia ini meminta tambahan kalau sa-kira-nya tidak chukup.

Sa-lain daripada itu saya suka-lah hendak membawa perhatian Rumah ini kepada Head 123 muka 24 Sub-Head 218, 220 dan juga 221. Saya perhatikan di-sini, Dato' Yang di-Pertua, ia-itu ada-lah ranchangan² untuk meninggikan kesihatan di-dalam kawasan² luar bandar telah

dapat peruntukan sa-banyak \$4,345,000 pada tahun yang akan datang ia-itu lebeh sedikit daripada tahun yang sudah. Di-sini saya perchaya ia-itu Menteri Kesihatan ada-lah telah mem-berikan ranchangan²-nya di-dalam masa yang lalu dan saya harapkan ia-itu ada-lah keelokan yang akan di-perdapati di-dalam mengelokkan kesihatan di-kawasan luar bandar ini akan mendapat kejayaan yang lebeh².

Kemudian daripada itu saya mem-bawa perhatian kepada Sub-Head 220 ia-itu berkenaan dengan hospital untuk guna mengajar di-Petaling Jaya yang saya perchaya ia-lah yang di-katakan Teaching Hospital atau University. Saya telah beberapa tahun mengambil peranan yang keras dan kuat di-dalam pelajaran kedokteran dan di-adakan sa-buah rumah sakit yang mempunyai 800 katil untuk guna memberi pelajaran kepada penuntut² di-dalam University di-dalam lapangan kedok-toran itu ia-lah sangat baik kerana hospital ini kelak akan di-kelolakan oleh University bukan-lah sa-bagai yang telah di-adakan di-Singapura ia-itu di-kelolakan oleh Kerajaan dan sa-tengah²-nya oleh University. Saya perchaya ranchangan ini hendak-lah di-segerakan kerana, kalau tidak silap saya, pada tahun 1967 University kita yang ada di-Kuala Lumpur ini akan mengeluarkan doktor²-nya yang per-tama.

Dan saya juga perchaya ia-itu ranchangan mendirikan hospital di-Petaling Jaya ini untuk university itu rasa-nya lebeh kurang \$40 juta harga-nya.

Kemudian daripada itu saya ber-pisah, Dato' Yang di-Pertua, kepada Sub-head 221 ia-itu peruntukan menchegeh penyakit batok kering yang telah mendapat peruntukan sa-banyak \$1 juta pada tahun 1965. Ini juga saya rasa kurang, telah kurang sa-banyak \$292,862 daripada tahun yang lalu. Jadi dengan sebab penyakit batok kering ini ada-lah satu daripada penyakit yang menjadi pembunuh besar di-lapangan ra'ayat di-dalam negeri kita ini, hendak-lah kita menjalankan dengan sa-berapa boleh-nya apa juga chara dan usaha supaya

kita dapat sa-kurang²-nya mengurangkan bahaya itu kalau tidak pun dihapus semua sa-kali macham yang telah di-pandang jauh oleh pakar² di-dalam penyakit ini.

Kemudian daripada itu, Dato' Yang di-Pertua, saya membawa perhatian kepada Kepala 138 muka 39 berkenaan dengan perbekalan ayer. Di-sini nam-pak-nya peruntokan-nya ia-lah berlainan sedikit daripada peruntokan yang telah di-beri kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan ia-itu-lah wang² yang di-beri ini ia-lah daripada loan scheme—daripada wang pinjaman, dan saya perhatikan di-sini di-dalam Sub-head 42, Krian and Lower Perak Water Supplies, akan di-beri \$862,500 dalam tahun yang akan datang ini. Dan juga di-Dindings dan di-Kinta berchampur sa-kali lebeh kurang lebeh daripada \$5 juta. Jadi saya berasa, hendak katakan berasa tidak puas hati pun tidak juga elok, kerana kita sekarang menghadapi konfrantasi dan juga perbelanjaan² kita hendak-lah di-kurangkan oleh kerana itu. Tetapi rasa-nya di-negeri Perak berkehendakkan perbekalan yang lebeh baik dan yang boleh di-sebarkan kepada kawasan yang lebeh luas daripada yang ada pada masa ini. Kalau-lah sa-kira-nya Menteri Yang Berhormat yang berkenaan boleh memikirkan kawasan² yang lain daripada yang saya sebutkan yang tersebut di-dalam programme ini, saya harap-lah di-timbangan, kerana sa-bagaimana yang telah saya katakan terlebeh dahulu ada-lah bekalan ayer ini satu daripada perkara² yang sangat besar dan sangat penting untuk kesihatan penduduk² di-kampong khas-nya dan juga di-lain² tempat 'am-nya.

Akhir-nya sa-kali, Dato' Yang di-Pertua, saya suka-lah hendak membawa ka-hadapan satu perkara yang saya dengar belum lagi di-bawa dalam Rumah yang berbahagia ini, ia-itu kita ada-lah di-dalam suasana yang menghadap konfrantasi daripada musuh kita dan baharu sa-malam kita telah mendapati perkhabaran yang mengatakan ia-itu ia-lah satu lagi pasokan yang berjumlah 27 orang telah mendarat di-Johor. Jadi dengan yang demikian, dan juga dengan ada-nya tali persahabatan dan juga agreement

antara Kerajaan kita dengan Kerajaan² yang telah mengaku menolong kita, umpama United States, Australia, New Zealand dan sa-bagai-nya, bilakah masa-nya, Dato' Yang di-Pertua, mereka itu akan datang menolong kita. Ada-kah hendak menantikan Malaysia sudah kena lecek betul baharu dia hendak datang—hendak memberi tolong atau pun pada masa sekarang? Ini-lah perkara-nya yang saya harapkan dapat di-timbangan kerana saya berasa ia-itu Ahli² Yang Berhormat di-sini akan bersetuju dengan saya kalau sa-kira-nya saya bangkitkan perkara ini pada hari ini. Demikian sahaja-lah, terima kaseh, Dato' Yang di-Pertua.

Enche' Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ini ia-itu ia-lah memberi sokongan atas perbelanjaan yang di-minta oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi. Saya chuma hendak memberi pandangan atas dasar Kerajaan yang telah di-chakapkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi.

Di-antara perkara yang saya hendak sentoh ia-lah Parlimen. Sa-malam saya sudah berchakap fasal pintu Parlimen pechah. Sekarang ada masaalah lain, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya memandang Parlimen sa-buah bangunan yang mulia, yang terhormat di-dalam negara kita, jadi saya nampak ada satu perkara yang patut di-timbangan ia-itu Parlimen ini di-jadikan kawasan larangan dan di-pagar kawasan ini. Sebab saya mengatakan begitu, walau pun Parlimen kita ini ada di-kawal oleh polis waktu malam, tetapi dengan sebab kawasan yang lapang—yang terbuka ini orang² daripada tempat di-Kebun Bunga boleh naik ka-kawasan Parlimen ini berdua² dalam tempat ini.

Lagi satu yang mengkhawatirkan, dalam keadaan negara kita sekarang di-cheroboh oleh Indonesia, ada mereka yang berniat jahat untuk Parlimen, jadi dengan di-pagar itu dapat-lah di-jaga keselamatan Parlimen—Rumah Yang Berhormat ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan ranchangan tanah,

kita juga berbangga atau pun ranchangan telah di-laksanakan oleh Kerajaan. Saya nampak dan memberikan pendapat dalam masalah ini ada satu perkara yang saya nampak memberi keuntungan kepada ra'ayat lain daripada Ranchangan F.L.D.A., Ranchangan G.S.A. yang ada bantuan, yang tidak ada bantuan, ranchangan tanah yang berkumpul, ada satu perkara yang saya nampak ia-itu di-bawah Ranchangan Kemajuan Tanah ini supaya membeli estate² dalam negeri ini yang tuan punya estate itu hendak jual, di-belikan estate ini, di-serahkan kepada penduduk² di-kampung lama atau pun orang yang menjadi penghuni estate. Saya katakan bagini, Tuan Yang di-Pertua, dengan di-beli estate, pada pendapat saya yang chetek ini, samalah keadaan-nya dengan Kerajaan memberi tanah di-bawah Lembaga Kemajuan Tanah, daripada estate ini kita beli dan kita boleh buka dan estate ini ada mempunyai Fund A dan daripada situ kita beri kepada orang² yang tidak ada tanah atau orang kebun lama itu satu orang 6 ekar sa-bagaimana Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah; jadi ini ada-lah meluaskan lagi projek tanah—projek Kerajaan hendak memberi tanah kepada ra'ayat.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, dasar kehutanan, sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya nampak ada satu sumber yang boleh mendatangkan hasil negara berhubung dengan kehutanan ini, ia-itu bagi menyelideki khazanah intan yang ada dalam tanah ayer kita ini. Intan yang ada dalam tanah ayer sama ada di-perut laut atau di-perut bumi ini, kalau dapat di-kaji dan di-selideki, maka akan bertambah-lah lagi sumber kehutanan, sumber hasil negara kita.

Sa-lain daripada itu—sa-lain daripada intan yang saya chakapkan, ada satu perkara yang mendatangkan hasil kepada negara berhubung dengan hutan ia-itu hasil madu lebah. Hasil madu lebah ini kita boleh dapat dalam hutan² Perlis, Pahang, Sabah dan Sarawak, sebab kawasan kita kawasan hutan—kawasan negeri yang banyak bunga tentu-lah banyak lebah² ini daripada lebah² ini kita dapat manisan

madu lebah. Jadi tidak-lah kita mengambil madu lebah daripada luar negeri. Dengan ada-nya kita pelihara, kita selidek, kita buatkan satu penyeli-dekan memelihara lebah untok mendapatkan madu.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kesihatan, saya chuma minta Kerajaan menyelideki berhubung dengan lori² ubat yang di-hantar ka-kampung² dalam kawasan ranchangan tanah. Lori² yang ada sekarang kebanyakan lori² itu uzor—sudah burok, sudah boleh di-kondemkan, sudah berumur 14 tahun, kadang² dia pergi dalam kawasan yang jauh² dan kena rosak—sakit tengah jalan. Bila rosak, di-bawa ka-workshop tiga bulan baharu baik—orang sudah tua, tiga bulan baharu baik bukan sahaja menyusahkan kepada pekerja Jabatan Kesihatan yang hendak meneruskan ranchangan kesihatan ra'ayat tetapi ra'ayat dengan tidak ada lori itu datang tertunggu-lah dia, maka kesihatan-nya itu terganggu-lah—tersekat-lah hendak menerima rawatan daripada jabatan ini.

Yang kelima saya mengharap, ia-itu berhubung dengan gaji Pengawas Kesihatan Umum. Gaji-nya ini sangat rendah, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak di-timbangkan dengan usaha yang di-buat oleh pegawai² ini. Gaji-nya sekarang ada-lah lebeh rendah daripada yang di-dapati oleh atendan di-hospital, pada hal kerja-nya membantu penduduk² luar bandar, menyiasat dan menjaga penyakit malaria dan membuat jamban, membuat tandas penduduk² luar bandar dan kerja²-nya, di-buat-nya untok penduduk² yang sa-banyak 10,000 orang. Jadi, saya nampak dengan gaji yang di-terima pada masa sekarang tidak-lah sesuai. Saya harap pehak Kerajaan supaya mengkaji balek, oleh sebab masa yang di-beri kepada saya tersangat pendek, saya ta' dapat-lah hendak mengulas dengan lebeh panjang, insha' Allah saya berjanji pada Kementerian ini, saya akan memberi laporan ini.

Sekarang ada satu perkara dalam pelajaran. Dalam pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ia-itu supaya Kerajaan mengkaji dasar chukai kertas dan alat² perchetakan, ia-itu saya harap

Kerajaan beri perchuma kertas², atau alat² perchetakan yang di-gunakan untok persekolahan di-dalam tanah ayer kita. Pada masa sekarang, Kerajaan menggunakan buku² luar negeri dan buku² itu tidak di-kenakan chukai, dengan sebab itu buku² daripada luar negeri yang hendak di-gunakan di-sekolah² anak² kita boleh di-jual dengan murah, tetapi dengan ada-nya Kerajaan mengenakan chukai kertas dan perchetakan, kedudukan buku² yang hendak di-gunakan di-sekolah² itu, buku² yang di-keluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka itu, kita jual mahal, Tuan Yang di-Pertua.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan radio—siaran khas. Saya mengharapkan supaya Kerajaan mengadakan satu siaran khas yang di-kenakan bayaran. Siaran khas ini yang saya maksudkan, ia-itu di-kehendaki oleh ra'ayat berhubung dengan kematian mengejut, berhubung dengan kemalangan yang mengejut, atau berita² penting. Jadi, bagi pehak ra'ayat sanggup hendak membayar siaran itu untok menyampaikan kepada saudara²-nya yang lebeh jauh, yang ta' boleh dapat di-terima dengan jalan talipon, atau taligeram. Jadi, dengan di-adakan siaran khas ini, akan mendatangkan satu hasil kepada siaran radio kita ini.

Saya fikir yang akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tanaman padi sa-bagaimana yang telah di-chakapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri—negeri Johor ada-lah sa-buah negeri yang sangat kurang orang² bertanam padi. Jadi, dengan ini, saya mengharapkan, pada sa'at sekarang, orang² Johor pula sudah ada niat, sudah ada minat, sudah ada chita² hendak bertanam padi. Jadi, saya harap pada yang akan datang, Kerajaan hendak-lah menguntokkan wang bila di-kehendaki oleh Kerajaan Negeri Johor berhubung dengan perusahaan menanam padi, terutama-nya dalam hendak membuat paip ayer untok ranchangan ini.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya ta' puas hati-lah atas ucapan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok dengan membangkit-

kan² peristiwa pencherobohan, pencherobohan, pendaratan askar² Indonesia. Jadi, sa-olah²-nya mereka itu menyorak²kan Kerajaan kita yang ada sekarang dan menyukai pencherobohan yang di-datangkan oleh Soekarno. Jadi, dengan keadaan yang macham ini, saya memberi tahniah kepada Kerajaan dengan kecekapan dan kechergasannya dapat menghapuskan pencherobohan dari sa-masa ka-samasa, hatta pencherobohan yang datang pada hari ini, insha' Allah dalam masa ta' berapa lama lagi, mereka akan dapat di-tawan. Jadi, saya ada-lah menyesali dan dukachita atas ucapan yang di-buat oleh Yang Berhormat dari Bachok.

Satu lagi, dia tidak suka pula RIDA. Jabatan RIDA ini supaya di-wujudkan, di-pindahkan kepada Menteri yang lain. Saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat itu, bahawa Jabatan RIDA ini ada-lah sa-buah jabatan yang hendak menolong orang² Melayu. Jadi, Ahli Yang Berhormat itu tidak suka pula orang² Melayu di-tolong

Mr Chairman: Macham mana-kah hendak di-tanya, dia sudah sampai ka-Bachok!

Enche' Ahmad bin Arshad: Minta ma'af, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bachok.

Mr Chairman: Itu-lah dia, dia sudah tidak ada di-sini!

Enche' Ahmad bin Arshad: Jadi, mudah²an dia ada dudok di-luar, selalu-nya dia ada dudok di-luar. Jadi, pada akhir-nya saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah berchakap tadi memberi pengumuman yang Kementerian-nya sanggup hendak memberi atas apa hal yang hendak menolong orang² Melayu, tambahan pula dia berchakap dalam bahasa kebangsaan. Sekian terima kaseh.

Tuan Haji Mokhtar bin Haij Ismail (Perlis Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kaseh di atas ucapan yang telah di-buat oleh Timbalan Perdana Menteri di-dalam Rumah ini berkenaan dengan kejayaan² yang telah di-chapai oleh Kerajaan Perikatan di-dalam perlaksanaan

Ranchangan Kemajuan² Negara dalam tahun 1964 dan sa-terus-nya kapada tahun 1965 dan sa-bagai sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat, sudah sa-mesti-nya bagi sa-sabuah Kerajaan itu meranchangkan dan melaksanakan ranchangan² supaya dengan ada-nya ranchangan² ini ra'ayat, atau masha-rakat² di-dalam negara ini, akan menjadi bertambah kembang dan maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh hanya sedikit sahaja di-dalam ucapan saya di-dalam Dewan ini, ia-itu berkenaan dengan ucapan Timbalan Perdana Menteri di-dalam perlaksanaan perhubungan menanam tebu. Kata-nya dalam ucapan-nya baharu sa-bentar tadi bahawa Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini ada-lah satu ranchangan, ia-itu menanam tebu akan di-adakan di-utara Malaya. Saya perchaya sunggoh pun tidak di-sebutkan di-Utara Malaya ini di-mana, tetapi saya yakin dan perchaya bahawa negeri Perlis-lah akan menjadi satu negeri yang pertama yang akan memulakan perlaksanaan-nya bagi bertanam tebu. Jadi, dengan ini, saya sudah berchakap banyak kali berkenaan dengan alat² dan kesusahan² dan penderitaan², terutama sa-kali kaum² tani yang ada di-dalam negeri Perlis. Jadi, sa-belum di-adakan perlaksanaan, atau pun ranchangan menanam tebu ini, saya suka juga mengeshorkan kapada Menteri yang berkenaan supaya chara² pembahagian tanah untuk pak² tani tadi untuk menanam tebu itu hendak-lah di-jelaskan, atau di-tentukan oleh Kerajaan; jika tidak, akan bertambah² rumit lagi kapada pak² tani yang menyewa tanah², dudok dalam tanah² yang bukan kepunyaan-nya sendiri hingga hari ini, atau kita tengok, atau lihat, kadang² pak tani dalam negeri Perlis ini ada berbagai² penderitaan, terutama sa-kali dalam masaalah padi kuncha, sa-hingga sekarang ini masaalah ini makin berluasa² dan makin besar, hingga hari ini bukan sahaja padi kuncha, bahkan minyak gas kuncha pun ada, beras kuncha pun ada, hingga satu guni beras dia lepaskan jadi padi kuncha—beras kuncha harga satu guni beras \$40 ia-itu mengikut di-dalam pasaran, tetapi beras itu kalau di-jual chara padi kuncha, ia-itu satu

guni beras dengan harga satu kuncha padi hampir mengetam yang berma'ana satu kuncha padi \$100 berma'ana satu guni beras itu \$100 harga-nya, tetapi apa-lah hendak di-buat, yang hendak di-lakukan dan hendak di-tangiskan oleh pak² tani tadi, kerana mereka itu hanya itu sahaja chara yang dapat mereka itu buat—hendak meminjam daripada sharikat kerjasama, sharikat kerjasama kata, beri-lah apa yang ada jaminan awak; ada grant, jawab-nya ta' ada grant, hanya menumpang dudok di-dalam tanah yang hanya di-sewa. Ini-lah yang saya mengharapkan supaya mendapat perhatian daripada Menteri yang berkenaan berkenaan dengan ranchangan hendak menubuhkan Bank Ra'ayat, atau Bank Kampong di-masa yang akan datang terhadap masaalah ini. Kapada orang² kampong tadi, umpama-nya, Tuan Yang di-Pertua, ada bank, tetapi bagi pak² tani yang ta' ada tanah, bagaimana chara-nya pula yang dia hendak meminta pinjam daripada bank itu tadi? Sudah tentu-lah bank itu berkehendakkan kapada satu jaminan, saperti geran-kah, atau sa-bagai-nya. Ini-lah yang saya minta perhatian daripada Menteri yang berkenaan di-dalam perlaksanaan-nya, di-dalam usaha²-nya hendak mengadakan ranchangan menanam tebu, atau perhubungan menanam tebu di-utara Malaya ini.

Tetapi ada juga masaalah yang lain, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal menanam tebu atau menanam padi dua kali sa-tahun sa-bagaimana yang saya sebutkan ia-itu berkehendakkan ayer. Tebu juga berkehendakkan ayer. Kalau tidak chukup ayer tidak boleh. Ayer boleh dapat, Tuan Yang di-Pertua, dengan chara boring. Sa-masa saya melawat negeri Taiwan, saya lihat banyak ayer di-ambil dalam bumi.

Ini-lah sahaja saya menarek perhatian Menteri yang berkenaan supaya mengadakan peruntokan wang bagi menyiasat chara² kita mendapatkan ayer dalam bumi. Jadi kalau ada masaalah menaikkan ayer dari dalam bumi ini tidak-lah menjadi satu masaalah yang besar lagi Malaysia pada masa akan datang. Itu-lah sahaja. Saya ucapkan terima kaseh.

Enche' Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan dasar, saya suka-lah membawa perhatian sedikit kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Di-kawasan saya, Melaka Selatan, ada kawasan ranchangan tanah di-Bukit Bulat, Kemendor, Ayer Kangkong dan Menggong. Tuan Yang di-Pertua, rungutan yang saya terima berhubung dengan kebun buah²an dalam peringkat pertama ada 100 ekar yang tidak jadi, tetapi tidak ada ranchangan sedikit pun hendak di-pulehkan sa-mula. Saya harap supaya dapat pehak Kementerian yang berkenaan menyiasat hal ini. Sa-lain daripada itu, ada 200 ekar sawah di-Menggong. Ini juga tidak di-buat dan tidak ada langsung peruntukan sa-hingga hari ini, pada hal dalam negeri kita yang sedang menuntut kemajuan ini tentu-lah sawah ini hendak di-utamakan. Jadi saya juga berharap perkara ini mendapat perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam peringkat kedua juga berhubung dengan buah²an tidak ada langsung di-buat dalam kawasan yang saya sebutkan tadi ia-itu di-Menggong.

Sa-lain daripada itu, saya harap juga dalam kawasan² ranchangan F.L.D.A. ini mendapat perhatian kerana, umpama-nya, di-Ayer Kangkong patut di-adakan sekolah dan juga masjid. Ini belum ada dan juga di-kawasan² yang lain itu. Saya berharap dapat di-adakan dengan sa-berapa segera, kerana di-Ayer Kangkong umpama-nya, kanak² yang hendak bersekolah pergi ka-Kemendor, dua batu jauh-nya berjalan kaki.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu saya menarek perhatian Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Baharu sa-bentar tadi rakan saya telah berchakap berhubung dengan hal sharikat kerjasama di-kampung². Kalau ada orang kampung hendak meminjam wang kena-lah syarat seperti geran dan sa-bagai-nya, barangkali rakan saya itu tidak mendalam dalam hal sharikat kerjasama. Kalau tidak di-adakan syarat wang itu akan habis sahaja. Apa yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, berhubung

dengan Kementerian ini. Dahulu lagi sudah saya terangkan bagi hendak meninggikan taraf hidup orang Melayu, satu daripada-nya hendak-lah sharikat² kerjasama ini di-beri sokongan yang penoh oleh Kerajaan, tetapi malang-nya ada pun duit sa-banyak \$5½ juta yang telah di-untukkan kepada Bank Agong, sa-hingga hari ini wang itu tidak di-serahkan kepada Bank Agong. Sa-kira-nya wang itu dapat di-serahkan kepada Bank Agong, saya perchaya wang ini dapat di-salurkan kepada ra'ayat, terutama sa-kali kepada penanam² padi. Saya tidak-lah hendak panjangkan bercherita berhubung dengan wang ini, kerana Kementerian² Kewangan dan Pertanian dan Sharikat Kerjasama telah ada dalam ma'aluman-nya. Sungguh pun wang yang \$5½ juta dapat, tetapi di-sekat sedikit². Maksud saya patut-lah wang ini di-serahkan bulat² kepada Bank Agong untuk Bank Agong menjalankan pinjaman kepada ra'ayat.

Sa-lain daripada itu, baharu² ini Bank Agong ada bersidang, yang berharap kepada pehak Kementerian yang berkenaan dapat menguntukkan wang sa-banyak \$10 juta bagi menolong petani dan penduduk luar bandar. Bagi pehak Pejabat Sharikat Kerjasama dan ahli² sharikat kerjasama di-kampung² maseh menunggu² bantuan Kerajaan. Saya tidak-lah hendak mengulang apa yang di-beri oleh Kerajaan kepada satu kumpulan berpuluh juta ringgit yang menguntungkan penduduk² dalam bandar, tetapi apabila berhubung dengan ranchangan hendak memberi pertolongan kepada ra'ayat di-luar bandar, sangat-lah berat tangan Kerajaan hendak mengulorkan wang.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, Kementerian Pelajaran. Saya suka mengulang balek, ia-itu bahasa kebangsaan akan menjadi bahasa rasmi dalam tahun 1967. Tetapi, kalau-lah Kerajaan sendiri tidak hendak mengaku bahasa kebangsaan ini, apa akan jadi kepada bahasa kebangsaan pada tahun 1967? Surat yang saya terima daripada Pejabat Setia-usaha Kerajaan Melaka kepada sa-orang bernama Enche' Abdul Ghafar bin Mohd. Yusuf, orang ini telah masuk pepereksaan L.C.E. dalam bahasa Melayu, yang sama soalan-nya dengan L.C.E. dalam bahasa

Inggeris, tetapi jawapan Kerajaan—Kementerian Pelajaran tidak dapat mengitiraf pepereksaan L.C.E. dalam bahasa penghantar Melayu dengan mana² tengkat di-dalam bahasa penghantar Inggeris. Chontoh-nya, yang di-minta oleh Enche' Abdul Ghafar ini berkenaan dengan hendak menyamakan gaji yang dia lulus sama, tetapi bagi pihak Kementerian Pelajaran dan Kerajaan sendiri tidak mengakui. Ini saya berharap mendapat perhatian Kementerian yang berkenaan.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian. Kita semua tahu yang menjaga hal ehwal tanah hutan ia-itu nama-nya mata-mata hutan atau forest guard. Saya mendapat surat daripada kesatuan pejabat ini meminta supaya Kementerian yang berkenaan menimbangkan semua rayuan-nya, kerana gaji forest guard chuma \$85.00 sahaja sa-bulan. Mereka ini ada 6 orang anak. Mereka menjaga hutan dan dudok dalam hutan, anak² mereka bersekolah jauh, gaji hanya \$85.00 sa-bulan. Rayuan sudah berkali² dihantar kepada Kementerian yang berkenaan tidak dapat jawapan. Jadi, saya merayu-lah dalam ucapan ini supaya dapat timbangan Menteri yang berkenaan. Permintaan yang di-buat oleh pejabat ini bukan-nya banyak: daripada \$85.00 hendak minta naikkan \$135.00. Forest guard ini dalam Division IV.

Jadi, saya berharap supaya dapat pihak Kerajaan memberi pertimbangan yang saksama pada pejabat ini, terutama sa-kali gaji yang paling rendah ia-itu \$85.00, Tuan Yang di-Pertua. Terima kaseh.

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan (Raub): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kaseh banyak. Dalam membincangkan ucapan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi dan juga ucapan yang di-lafadzkan oleh Menteri Kewangan tadi di-atas tujuan Kerajaan hendak meninggikan ekonomi orang Melayu, maka di-sini saya sabagai sa-orang Ahli Dewan ini sangatlah bersukachita-nya mendengarkan perkara ini. Ma'ana-nya dasar Kerajaan

Perikatan memerintah, bagaimana dalam Rancangan Pembangunan Yang Kedua ini berjanji hendak memberi kemudahan dan kesenangan kepada ra'ayat jelata, maka sedikit sa-banyak telah-lah di-laksanakan. Maka janji kerana hendak meninggikan ekonomi orang² Melayu ini akan di-jalankan pula pada pembangunan yang ketiga ini besok. Maka saya berdo'a-lah kepada Allah subhanahu wata'ala supaya dapat Menteri kedua ini melaksanakan mudah²an chita² yang suchi murni ini akan terbukti-lah.

Dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi ada menyebutkan ada puak di-dalam negara kita yang di-kasehi ini, yang menggunakan demokrasi untuk menghan-chorkan demokrasi. Maka pada pendapat saya jika ada puak² yang sa-macam ini dan kerana pemerentahan negeri ini ada di-dalam tangan kita, apa nanti lagi, kurong mereka sakalian.

Dalam segi pembangunan tadi, ada dalam ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan hendak menyemak sa-mula dasar forest—dasar Pejabat Hutan. Maka saya hendak menyebutkan hal keadaan di-tempat saya, ada dua kawasan Hutan Simpan, satu di-Bukit Kajang dan satu lagi Rotan Tunggal. Pada masa sekarang, oleh sebab sudah ramai orang dudok di-bandar itu, maka kawasan Hutan Simpan yang dua ini telah menjadi di-tengah² bandar. Maka saya minta-lah pada Menteri yang berkenaan chuba-lah ubahkan kedua² Forest Reserve ini kepada sa-belah sempadan Cameron Highland atau sa-belah sempadan dengan Perak dan bagi-lah kawasan Hutan Simpan yang kedua yang saya sebutkan tadi untuk faedah kegunaan ra'ayat.

Sekarang saya hendak menarek perhatian Menteri yang berkenaan, berkenaan dengan Parit dan Taliayer. Di-dalam jajahan Raub ini, bagaimana saya ada juga membuat ucapan bila membahatkan perbelanjaan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama dahulu, maka di-sini saya hendak meminta, merayu, kepada Kementerian yang berkenaan, sila-lah siasat hal

keadaan di-dalam Daerah Raub itu berkenaan dengan parit dan taliayer tadi. Kerana bila saya kemukakan kepada Kerajaan meminta tolong siasat berkenaan dengan hendak mengayurkan paya², sawah² yang tidak jadi di-situ, maka anggaran perbelanjaan-nya terlampau tinggi sangat. Maka ini saya berharap-lah pada Kementerian yang berkenaan tolong-lah chari jalan, kalau ada jalan murah buat-lah murah, jangan di-bandingkan hal keadaan parit dan taliayer di-jajahan Raub ini dengan keadaan parit dan taliayer dalam negeri Kedah atau pun negeri di-sabelah utara negeri Perak.

Berjangkit saya kepada Kementerian Pelajaran—sungguh pun ada juga saya buat rayuan daripada dahulu lagi berkenaan dengan mengadakan hostel untuk penuntut² yang hendak belajar datang daripada kampung² yang jauh² yang sedang belajar dalam bandar Raub itu, maka sahabat saya daripada kawasan Lipis dahulu membuat rayuan di-dalam Dewan ini, kebanyakan hostel² sudah di-buat dalam kawasan dia, bagi kawasan saya belum ada lagi hostel bagi mana yang telah di-buat dalam kawasan sahabat saya dari Lipis itu dan juga saya hendak, bukan dengan menegor atau pun hendak keritik, kepada orang, terhadap bangunan sekolah yang di-dirikan dalam kawasan saya, semua bangunan rendah². Bila saya pergi ka-Kuala Lipis, tengok bangunan sekolah dua tingkat, bila saya pergi ka-Bentong tengok bangunan ia-lah bangunan sekolah tiga tingkat. Maka saya harapkan kepada bangunan² baharu, buat-lah bangunan fashion baharu supaya terbuka mata orang Raub itu menengok bangunan² baharu ini.

Bagitu juga berkenaan dengan Rural Health Centres—saya berpendapat, bukan kerana apa, barangkali Kementerian ini dahulu tidak ada menyediakan duit, supaya banyak sub-centres, Training Centres, di-dalam jajahan Raub itu, maka kawasan-nya itu terlampau semak maka patut-lah diadakan buroh² untuk menchuchi supaya tidak sakit mata memandang. Rasa saya untuk bagi peluang kepada sahabat saya daripada kawasan Lipis, terima kaseh banyak.

Mr Speaker: Dia beri peluang 2-3 minit sahaja-lah nampak-nya.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin tuan, saya dapat berchakap ini lama dalam Dewan ini walau pun masa-nya tidak lama lagi saya akan di-berhentikan, tetapi saya harap dapat di-sambong pada sa-belah petang.

Saya menyokong dengan sa-penoh hati peruntukan yang di-bentangkan di-dalam Dewan ini oleh Timbalan Perdana Menteri bagi kejayaan pembangunan negara kita dalam tahun 1965. Tetapi dalam beberapa masa-alah, pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, kejayaan ranchangan kita tidak-lah sahaja di-longgokkan dengan berjuta² ringgit, kerana faktor kejayaan kita tidak terhenti kepada kewangan sahaja. Ada beberapa faktor yang lain yang saya rasa harus di-perhatikan oleh pihak Kerajaan. Yang pertama sa-kali ia-lah hubungan Kerajaan kita dengan pegawai dan kaki-tangan Kerajaan.

Pada masa yang akhir ini, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat tahu sungutan², bantahan dan tunjok perasaan kaki-tangan Kerajaan dengan sebab layanan permohonan gaji yang baik pada mereka. Saya menyokong kerana kejayaan ranchangan kita ada tergantung kepada keikhlasan pegawai² Kerajaan, dengan sebab itu hati dan jiwa mereka itu jangan di-sentoh dengan perasaan yang merendahkan.

Sa-bagaimana saya kata tadi, pada awal-nya, longgokkan berjuta² ringgit tidak akan dapat menyempurnakan lichin jika tidak ada keikhlasan daripada pegawai² Kerajaan. Dengan sebab itu saya menyokong penoh Jawatankuasa Gaji yang di-bentangkan yang telah di-tubuhkan itu supaya membuat satu laporan yang lengkap dan penyata yang memberi puas hati, bukan sahaja kepada kaki-tangan Kerajaan tetapi juga kepada pegawai² Kerajaan yang menjadi tangan kanan kejayaan ranchangan kita.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya hendak sentoh lagi, saya dengar RIDA akan di-perbaharui dan mungkin nama-nya akan di-ubah. Saya tidak-lah bagitu

berat atas soal nama atau perubahan itu, hanya pada hakikat saya perlaksanaan dasar yang saya maksudkan. Kerana perimbangan ekonomi di-antara kaum² dalam negeri ini ia-lah menjadi satu kunchi kejayaan Malaysia yang akan datang. Jika perseimbangan ekonomi kaum² yang kita tahu kaum yang tidak ada dengan ada dalam negeri ini maseh berlaku, tidak dapat tidak kecherahan sinar baharu Malaysia tidak akan terjamin pada masa yang akan datang.

ADJOURNMENT

(Motion)

Tun Haji Abdul Razak: Mr Speaker, Sir, I beg to move,

That further consideration of the business now before the House be deferred to the

next sitting day and that the House do now adjourn.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That further consideration of the business now before the House be deferred to the next sitting day and that the House do now adjourn.

Mr Speaker: Sa-belum saya tanggohkan Meshuarat ini, saya suka mengingatkan kepada Ahli² Yang Berhormat, ada-lah kita bermeshuarat balek pada hari Ithnin pukul 10 pagi. Dengan itu saya ucapkan selamat berehat kepada Ahli² Yang Berhormat.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 1 petang.